

**SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN TANJONG PUTERI, 09300,
KUALA KETIL, KEDAH.**

**UJIAN BULAN MAC 2011
BAHASA MELAYU (1 JAM)
TINGKATAN 1**

Kertas soalan ini mengandungi **dua** bahagian. Jawab **kesemua** soalan di ruangan yang disediakan.

BAHAGIAN A(i) [20 markah]

Baca petikan dibawah dengan teliti. Berdasarkan petikan, tulis sebuah ringkasan tentang **cara berjimat cermat**. Panjang ringkasan adalah tidak melebihi **80 patah perkataan**. Anda digalakkan menggunakan perkataan sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.

Sikap berjimat cermat amat dituntut dalam agama. Kerajaan juga menggalakkan rakyat supaya berjimat cermat. Berhubung perkara ini kerajaan pernah mengadakan kempen dengan harapan rakyat akan menanam sikap ini dalam diri masing-masing kerana sikap ini menguntungkan pelbagai pihak.

Berjimat cermat bermaksud *berbelanja mengikut kemampuan* ataupun berusaha mengurangkan perbelanjaan harian. Sekiranya perbelanjaan harian kita mencecah RM50.00 sehari, jumlah ini perlu dikurangkan. Pelbagai cara boleh dilakukan untuk mengurangkan perbelanjaan harian. Salah satu contohnya adalah dengan membeli barang-barang yang betul-betul diperlukan sahaja.

Di samping itu, kita juga boleh membuat perbandingan harga antara sebuah kedai dengan sebuah kedai yang lain sebelum berbelanja. Kita juga boleh membeli barang dengan kuantiti yang lebih banyak kerana harganya lebih murah. Ini boleh dilakukan jika kita berbelanja di pasar raya. Kita akan dapat menjimatkan belanja petrol jika kita berbelanja dengan kadar yang lebih banyak kerana kita tidak perlu keluar berbelanja setiap hari.

Membeli barang tempatan juga dikatakan sebagai satu langkah berjimat cermat. Barang tempatan lebih murah jika dibandingkan dengan barang dari luar negara.

Berjimat cermat mendatangkan pelbagai kebaikan. Salah satunya adalah dapat mengukuhkan ekonomi kita. Kita juga akan dapat menabung dan daripada amalan ini tentunya kita akan mendapat faedah atau bonus.

Berjimat cermat juga melatih kita menjadi seorang yang berdisiplin. Kita tentunya akan berusaha menyimpan wang lebihan belanja setiap hari untuk menabung. Jelaslah bahawa sikap berjimat cermat membawa kebaikan kepada kita.

BAHAGIAN A(ii) [10 markah]

Berdasarkan petikan, jawab soalan-soalan berikut menggunakan ayat anda sendiri.

1. Berikan maksud *berbelanja mengikut kemampuan* dalam petikan. [2 markah]

2. Nyatakan kebaikan apabila kita bersikap berjimat cermat. [4 markah]

3. Pada pendapat anda, apakah yang boleh dilakukan oleh ibu bapa untuk mendidik anak mereka berjimat cermat? [4 markah]

BAHAGIAN B [20 markah] Isikan jawapan anda di tempat yang disediakan.

A. Lengkapkan ayat-ayat berikut dengan memilih jawapan yang **paling sesuai**.

1. Sebahagian besar perkataan dalam kamus diberikan _____ dan dituruti oleh kata seerti.
A. polarisasi C. sensasi
B. potensi D. definisi
 2. Seseorang yang berbuat kebaikan pasti akan menerima _____ nya.
A. hadiah C. ganjaran
B. sumbangan D. cenderamata
 3. "Tuan pengurus, _____ bersetuju dengan pendapat Encik Zamri itu," kata Zaidi.
A. saya C. dia
B. kami D. kamu
 4. "_____ tidak boleh membiarkan penjenayah itu terlepas begitu sahaja," kata inspektor polis kepada anggota-anggota yang lain.
A. Kami C. Kamu
B. Kita D. Kalian
 5. Pelajar-pelajar itu didenda kerana _____ tidak memakai lencana sekolah.
A. dia C. beliau
B. mereka D. kami
 6. "Permaidani _____ saya beli pada minggu sudah," kata Puan Vinotha kepada Asyikin sambil memegang permaidani tersebut.
A. ini C. sana
B. itu D. sini
 7. "Bapa akan ke _____ nanti untuk menghadiri majlis perkahwinan anak saudaranya," kata abang kepada Pak Salleh.
A. situ C. sini
B. sana D. ini
 8. Nama pengetua sekolah itu _____?
A. siapakah C. apakah
B. siapa D. apa
 9. "_____ yang sedang bermain piano?" tanya Alin kepada Siti.
A. Apa C. Siapa
B. Apakah D. Siapakah

10. Kerajaan berhasrat melahirkan modal insan yang _____ kelas pertama.
A. berfikir C. bertindak
B. berakal D. berminda
- B. Ayat-ayat yang berikut **mungkin betul** dan **mungkin salah**. Jika **terdapat kesalahan**, kesalahan itu ditandakan dengan **A**, **B**, atau **C** dan jika **tiada kesalahan** tandakan dengan **D**. Pilih jawapan yang **paling sesuai**.
11. "Adakah apa-apa yang ingin kamu ketahui dengan lebih lanjut tentang pelajaran hari ini?" tanya Cikgu Lim. Tiada kesalahan
A **B** **C**
D
12. Sila ambil apa yang telah kami sediakan di situ sebagai bekalan apabila kamu pergi ke sana nanti. Tiada kesalahan
A **B** **C**
D
13. Siapa pun tidak dibenarkan masuk ke dalam bilik kebal itu kecuali Ketua Penyelia Kawasan. Tiada kesalahan
A **B** **C**
D
14. Mereka sedang membincangkan tentang perkara itu sejak semalam. Tiada kesalahan
A **B** **C** **D**
15. Zailani menanyakan soalan itu kerana dia tidak faham akan kehendak soalan tersebut.
Tiada kesalahan
A **B** **C**
D
16. Baik ayah atau ibu hendaklah memesra dengan anak-anak. Tiada kesalahan
A **B** **C** **D**
17. Pelajar yang ponteng sekolah itu lari tempiaran apabila melihat anggota polis membuat rondaan di kawasan itu. Tiada kesalahan
A **B** **C**
D
18. Ibu melarang kakak menyirami pokok bunga itu pada waktu petang kerana hari hendak hujan. Tiada kesalahan
A **B** **C**
D
19. Encik Siva memagari batang-batang kayu di sekeliling kawasan rumahnya.
A **B** **C**
Tiada kesalahan

D

20. Pada petang itu, Encik Mansor mengajarkan kami cara-cara bermain gitar.

A

B

C

Tiada kesalahan

D

JAWAPAN

1		6		11		16	
2		7		12		17	
3		8		13		18	
Soalan 18-20		9		14		19	
5		10		15		20	

-SOALAN TAMAT-

Disediakan oleh:

Disemak oleh:

Disahkan oleh:

(En. Mohamad Hadian Bin Md Nor) (Pn. Tuan Azmuriah Tuan Aziz) (En. Wan Zaludin B.
Wan Hussein)

SKEMA JAWAPAN UJIAN MAC 2011 BAHASA MALAYSIA TINGKATAN 1

Bahagian A (i) 20 markah

- membeli barang-barang yang betul-betul diperlukan sahaja
- membuat perbandingan harga antara sebuah kedai dengan sebuah kedai yang lain sebelum berbelanja
- membeli barang dengan kuantiti yang lebih banyak kerana harganya lebih murah
- tidak perlu keluar berbelanja setiap hari
- membeli barang tempatan
- berusaha menyimpan wang lebihan belanja setiap hari untuk menabung

Bahagian A (ii) 10 markah

1. membeli berdasarkan keupayaan
2. - memantapkan ekonomi
 - membolehkan kita menabung
 - melatih kita menjadi seorang yang berdisiplin
3. - ibu bapa mestilah menjelaskan tentang kebaikan berjimat cermat
 - menasihati anak-anak sekiranya mereka boros
 - menggalakkan anak-anak menabung

* SEMUA JAWAPAN YANG DIFIKIRKAN SESUAI BOLEH DITERIMA

Bahagian B 20 markah

1	D	6	A	11	D	16	B
2	C	7	B	12	A	17	B

3	A	8	B	13	A	18	D
4	B	9	D	14	A	19	D
5	B	10	D	15	D	20	B